

Mahathir mahu pujuk anak jadi ahli UMNO

Am 25 NOV 2004

PENDANG 24 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan cuba memujuk salah seorang anaknya untuk menjadi ahli UMNO di cawangan Kampung Caruk Kundung di sini sebagai memenuhi permintaan penduduk di kampung berkenaan.

Katanya, oleh kerana beliau pernah menjadi ahli UMNO cawangan kampung itu selama lima tahun semasa kali pertama bertanding sebagai Ahli Parlimen Kota Star Selatan pada tahun 1964, penduduk di sini mahu anaknya pula jadi ahli UMNO di sini.

“Saya ada tujuh orang anak, jadi yang mana satu akan menjadi ahli UMNO cawangan ini saya tak tahu lagi, saya kena tanya mereka,” katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan Hari Raya Aidilfitri di kampung berkenaan di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, ahli Dewan Undangan Sungai Tiang, Suraya Yaakob, bekas ahli Parlimen Pendang Datuk Othman Abdul serta rakan-rakan lama Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, beliau

tidak mahu anaknya itu datang ke sini untuk merebut jawatan sebagai ketua cawangan UMNO, tetapi sekadar menjadi ahli biasa di dalam parti.

“Saya hanya berharap anak saya nanti akan terus berjuang seperti saya untuk memajukan orang Melayu di sini,” ujarnya lagi.

Pada majlis itu Dr. Mahathir turut meng-

imbis semula kenangan 40 tahun lalu semasa beliau berkempen ketika bertanding di kawasan tersebut yang kini disifatkannya telah jauh membangun.

“Oleh kerana pada masa itu tiada elektrik dan jalan yang berdebu, orang ramai pernah ketawa kerana melihat muka saya dikata macam mawa disebabkan penuh debu,” katanya.

Kampung Caruk Kundung

Bagaimanapun katanya, sekarang ini jalan bertar sampai di halaman rumah seperti juga rumah-rumah orang di Kuala Lumpur.

“Ini semua nikmat dan kita perlu bersyukur seperti mana yang disuruh oleh agama Islam,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, banyak juga penduduk di sini yang menjadi pelanggannya

semasa beliau membuka klinik di Alor Star dulu dan mereka juga adalah kenalan bapanya.

Selepas itu beliau dan isteri turut menghadiri majlis jamuan hari raya di Kampung Asam Jawa, iaitu sebuah kampung tersusun yang direncanakan semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu.